

Hubungan 50 tahun Malaysia, Indonesia

Um - 28/4/2007

TIDAK dapat dinafikan hubungan Malaysia dan Indonesia begitu akrab dalam berbagai bidang sejak sekian lama. Hubungan antara pemimpin, ahli perniagaan dan rakyat dengan rakyat amat baik sekali.

Jarak kedua negara yang amat dekat dan didekatkan lagi dengan wujudnya perkahwinan antara rakyat kedua negara. Rakyat Malaysia lebih mengenali Indonesia melalui pemimpin, penyanyi, pelakon, produk-produk seperti jamu, perabot jati, buah salak dan batik sarung.

Demikian juga rakyat Indonesia mengenali artis tempatan kita menerusi lagu yang dinyanyikan oleh Siti Nurhaliza, New Boyz, Amy Search, Saleem, Sheila Majid malah Seniman Agung P. Ramlee.

Banyak lagu Malaysia dinyanyikan semula oleh penyanyi Indonesia demikian juga lagu asal Indonesia dinyanyikan kembali oleh penyanyi kita. Lagu Malaysia dan Indonesia menjadi siulan generasi dulu dan sekarang.

Bagaimanapun sentimen kemarahan rakyat antara kedua buah negara tidak boleh dielakkan apabila berlaku kes penderaan pembantu rumah, penganiayaan, pembunuhan, rompakan, rogol dan pelanggaran batas sempadan.

Walaupun bilangan rakyat Indonesia yang didera dan melakukan jenayah kecil peratusannya tetapi kesannya boleh membakar semangat dan menimbulkan kemarahan rakyat, apabila dibesarkan oleh media.

Dalam keadaan tertentu, rakyat Malaysia bagaimanapun dilihat lebih bersabar dan hanya menelan kemarahan mereka apabila pendatang asing melakukan jenayah seperti pembunuhan, rogol, rompakan dan mendirikan perkampungan haram serta berniaga walaupun tidak memiliki kerakyatan.

Saban tahun juga rakyat Malaysia terpaksa "bernafas dalam jerebu" yang dibawa dari negara jiran. Penulis juga sering ditanya selamatkah jika mereka menjadi pembantu rumah di Malaysia walaupun dalam masa yang sama mereka begitu berminat untuk bekerja kerana pendapatan yang tinggi.

Menakutkan

Cerita-cerita buruk yang dibawa pulang oleh mereka yang dihantar pulang sering kali menjadi bahan berita di media tempatan, sekali gus menakutkan mereka untuk bekerja di Malaysia apatah lagi ditipu oleh ejen-ejen haram yang mengambil peluang mencari keuntungan.

Kebimbangan turut disuarakan ibu bapa untuk melepaskan anak-anak perempuan mereka. Umpamanya dalam akhbar harian umum *Singalang* dalam tajuk utamanya menyebutkan "10,000 tenaga wanita Indonesia menjadi pelacur" di Malaysia dari 1996 hingga 2002.

Demikian juga bila berlaku kes penyakit demam denggi, selesema burung, gempa bumi, nahas pesawat dan tunjuk perasaan secara ganas, menjadi kebimbangan bagi rakyat Malaysia untuk melawat atau melabur di Indonesia.

Namun di sebalik cerita-cerita buruk ini, rakyat Indonesia yang ditemui terutama pemandu teksi dan peniaga memuji Malaysia kerana kemajuannya dalam beberapa bidang lebih cepat daripada Indonesia.

Pemandu teksi juga menyalahkan pemimpin tempatan kerana berlakunya rasuah dan penyelewengan serta kegagalan pemerintah menyediakan pekerjaan kepada rakyat.

Isu dakwaan pelanggaran wilayah Ambalat yang kononnya dilakukan oleh tentera Malaysia baru-baru ini menjadi agak panas apabila ditonjolkan oleh media tempatan dan kemudian dibahas di stesen TV.

Kesannya, berlaku tunjuk perasaan oleh sekumpulan kecil anggota sebuah parti politik di depan kedutaan Malaysia.

Lebih menyakitkan hati bila ada yang membakar Jalur Gemilang, sesuatu yang tidak wajar dilakukan.

Pada seminar Hubungan 50 Tahun Malaysia-Indonesia dan Mengenang Tokoh Diplomasi Mohammad Hatta di Padang baru-baru ini, pembentang kertas kerja masing-masing memfokuskan masalah yang berlaku terhadap rakyat Indonesia di Malaysia selain melihat masa depan keperluan antara kedua negara yang berpotensi menjadi sebuah kuasa disegani di rantau ini.

Ahli antropologi Universiti Malaysia, Profr Datuk Dr. Zainal Kling dalam kertas kerjanya "Keserumpunan bangsa Melayu pandangan dari Malaysia" menyuarakan kebimbangan walaupun gagasan persaudaraan lebih ditekankan dalam kerjasama serantau.

Katanya di Indonesia kesan persaudaraan itu kelihatan kurang bermakna kerana terdapat banyak tindakan anti-Malaysia yang jika tidak dikekang dalam beberapa peristiwa yang menyangkut kehadiran tenaga kerja Indonesia dan pendatang tanpa izin.

Menurut Zainal, sebaliknya warga